




ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD

انگكن كوفراساع كبنساعن ملنسا برهه

(Malaysian National Co-operative Movement)

Registration No. : 4630/12.5.71



Ruj kami : AKKM:1/7/3Jld.5 (60)

Tarikh : 20 Januari 2025

Kepada semua  
Koperasi / Organisasi Pelanggan  
Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

PEKELILING KOPERASI BILANGAN: 01/2025

**MAKLUMAN BERKAITAN LARANGAN PENGGUNAAN NAMA ANGKASA DAN SISTEM POTONGAN GAJI ANGKASA (SPGA) DALAM MEMPROMOSIKAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sejak kebelakangan ini, didapati banyak koperasi dan pelanggan BPA menggunakan nama **ANGKASA** dan **Sistem Potongan Gaji ANGKASA (SPGA)** dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka. Setelah meneliti perkara ini dan bagi mengelakkan penyalahgunaan nama, ANGKASA telah memutuskan bahawa perkataan ANGKASA dan Sistem Potongan Gaji ANGKASA (SPGA) adalah tidak dibenarkan untuk digunakan dalam mempromosikan semua produk dan perkhidmatan yang dijalankan oleh koperasi dan pelanggan BPA.

3. ANGKASA juga menegaskan bahawa sebarang penggunaan nama ANGKASA dan Sistem Potongan Gaji ANGKASA (SPGA) untuk mempromosikan produk atau perkhidmatan adalah tertakluk kepada garis panduan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh ANGKASA.

4. Sehubungan dengan itu, semua koperasi dan pelanggan BPA perlu mematuhi larangan ini bagi mengelakkan sebarang tindakan lanjut yang mungkin diambil. Sebarang pertanyaan boleh hubungi di alamat emel [potongan@angkasa.coop](mailto:potongan@angkasa.coop).

Sekian,

Terima kasih.

**"SADIK, AMANAH, TELUS"**

Yang benar,

**MOHAMAD DARULNIZAM BIN MAT DARUS**

Pengurus Besar

Bahagian Perkhidmatan Kredit &Kewangan

**ANGKASA**

Fail: WMA/pekelling012025

Wisma Ungku A.Aziz, Jalan SS 6/1, Kelana Jaya, Peti Surat 8797,  
Pejabat Pos Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
Tel: +603 7806 1977 | +603 7800 7800  
Fax: +603 7804 2315 email: [apex@angkasa.coop](mailto:apex@angkasa.coop)

@AngkasaCoop

[www.angkasa.coop](http://www.angkasa.coop)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. QMS 31137



CERTIFIED TO ISO-IEC 27001:2013  
CERT. NO. AR 6395



CERTIFIED TO ISO 37001:2016  
CERT. NO. ABMS 09192

